

**CIMB BANK BERHAD'S TERMS AND CONDITIONS GOVERNING THE
"6 MONTH & 12 MONTH UNFIXED DEPOSIT™ CAMPAIGN"**

1. The 6 Month & 12 Month Unfixed Deposit™ Campaign ("**Campaign**") is organised by CIMB Bank Berhad ("**the Bank**" or "**CIMB Bank**") and shall commence from 1 May 2017 to 30 June 2017, both dates inclusive ("**the Campaign Period**"). The Bank reserves the right upon giving fourteen (14) days' notice to change the duration and/or the commencement and/or expiry dates of the Campaign Period.

Eligibility

2. Subject to Clause 3. below, the Campaign is open to all:
- a) Small medium enterprise/Enterprise Banking/Commercial Banking customers as determined by the Bank which may include but not limited to sole proprietorships, partnerships, private limited companies, charitable/non-profit organization, societies and professional partnerships; and
 - b) Individual customers above the age of 18 years old including joint account and/or minor trust account holders.
- (hereinafter collectively referred to as "**Eligible Customer(s)**").
3. The following individuals/entities shall be excluded and NOT eligible to participate in this Campaign:-
- a) Permanent and/or contract employees of CIMB Group and/or their immediate family members (i.e. spouses, children, parents, brothers and sisters). "**CIMB Group**" means the groups of companies/legal entities of which CIMB Group Holdings Berhad, being the holding company of CIMB Group Sdn Bhd has a controlling interest, directly or indirectly, either by itself or through its subsidiaries; and
 - b) Corporate Banking customers.

Special Interest Rates for Fixed Deposit ("FD") Placements

4. To be entitled to the following Special Rates under this Campaign, the Eligible Customer(s) must make a minimum single deposit placement amount for the fixed tenure as per the table below during the Campaign Period:-

FD Tenure	Special Interest Rates for FD Placement ("Special Rates")	Minimum Single Deposit Placement Amount in FD account
6 Months	3.90% p.a.	RM10,000
12 Months	4.10% p.a.	

Campaign Mechanics

5. The FD placement must be performed at any branches of the Bank. eFD placement through CIMB Clicks is not eligible for the Special Rates.
6. The "**Special Rates**" are applicable for FD placement of one (1) cycle only.
7. Interest will be paid out upon completion of the Fixed Deposit tenure.

CIMB Bank Berhad (13491-P)

8. Interest earned will be credited to the Eligible Customer(s)' designated Conventional Current Account or Conventional Savings Account ("**CASA**") maintained with the Bank. If the Eligible Customer(s) have an existing Current Account or Savings Account maintained with CIMB Islamic Bank Berhad, the Bank may accept this existing Current Account or Saving Account to be an affiliate account for the above purposes (herein referred to as "**Affiliate Account**").
9. The Bank reserves the right, from time to time, to vary the Special Rates and/or the Fixed Deposit Tenure requirement, upon giving fourteen (14) days' prior notice.
10. **Early and/or Part Withdrawal of FD:** In the event that the Eligible Customer withdraws or uplifts the FD before the completion of first three ("3") months tenure, the Eligible Customer(s) shall not be entitled to enjoy any interest whatsoever. If the Eligible Customer(s) withdraws or uplifts the FD on the fourth month onwards before maturity date, the interest payable to the Eligible Customer is half (50%) of the Special Rates earned for the completed months on withdrawn/uplifted amount. The Eligible Customer(s) hereby agrees and authorises the Bank to deduct and/or to set off from the principal FD amount in respect of any interest paid or credited to the Eligible Customer's CASA/Affiliate Account which the Eligible Customer(s) is not entitled to as a result of the early upliftment of the FD.
11. In the event the Eligible Customer(s) would like to withdraw the FD before maturity, the Eligible Customer(s) may opt to perform a partial withdrawal or a complete early upliftment of the balance in the FD account.
12. **Renewal:** Upon maturity of the 6 Months or 12 Months FD, the "**Special Rates**" will cease to apply and the Eligible Customer(s) hereby agrees and authorises the Bank to automatically renew or roll over the 6 Months or 12 Months principal FD amount to its respective tenure conventional fixed deposit tenure and the prevailing CIMB Bank board rate applicable at the time of renewal or roll over shall apply.

General

13. By participating in this Campaign, all Eligible Customer(s) are deemed to have read, understood and agreed to be bound by these terms and conditions and any decision of CIMB Bank.
14. CIMB Bank's decision on all matters relating to this Campaign, including the determination of Eligible Customer(s) and the entitlement to the Special Rates are final, binding and conclusive provided the same must be seen to be fair and reasonable. No correspondence, queries, protests or attempts to dispute the same will be entertained unless the same is due to the gross negligence or default of CIMB Bank.
15. CIMB Bank has the right and is entitled, upon giving twenty-one (21) days prior notice, to debit the FD or any other account of the Eligible Customer(s) maintained with CIMB Bank at any time as it deems appropriate with the applicable or prevailing statutory fees, stamp duties, commissions, bank charges and/or, service charges.
16. All terms and conditions governing the operation of the Eligible Customer(s)' fixed deposit account and CASA/Affiliate Account shall continue to apply save and except if or where the same are expressly varied or amended by the terms and conditions herein. In the event of any inconsistency between the terms and conditions herein and the terms and conditions governing the operation of Current and Savings account, these terms and conditions shall prevail for the purposes of this Campaign.
17. At the time of maturity of the 6 Months or 12 Months FD, (i) the Fixed Deposit account of the Eligible Customer(s) must not be in breach of any of the terms and conditions governing the Fixed Deposit account and/or (ii) the Fixed Deposit account of the Eligible Customer(s) must not be terminated and/or be made subject to any attachment, adverse orders made by the Court or any authorities sanctioned by laws and/or delinquent, and/or be invalid and/or cancelled within CIMB Bank's definition, otherwise they will be disqualified from participating in this Campaign and/or being entitled to the Special Rates.

18. In no event will CIMB Bank be liable for any loss or damages (including without limitation, loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, tort, negligence or otherwise, in connection with this Campaign unless the same is due to the gross negligence or default of CIMB Bank.
19. CIMB Bank reserves the right, upon giving fourteen (14) days' notice, to cancel, terminate or suspend this Campaign. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by CIMB Bank of this Campaign shall not entitle any of the Eligible Customer(s) to any claim or compensation against CIMB Bank for any losses or damages suffered or incurred by the Eligible Customer(s) as a direct or indirect result of the act of cancellation, termination or suspension unless the same is due to the gross negligence or wilful default of the Bank.
20. CIMB Bank reserves the right upon giving twenty-one (21) days' prior notice to vary (whether by addition, deletion, modification amendment or otherwise howsoever) ("**the Amendment**") any of the terms and conditions herein. Notification to the Eligible Customer(s) in respect of the Amendment shall be effected at the Bank's absolute discretion through any one of the following means of communication, namely, by posting a notice regarding the Amendment at each of the Bank's branches or by effecting an advertisement regarding the Amendment in one national newspaper of the Bank's choice, or via the Bank's website or by any other means of notification which the Bank may select and the Amendment shall be deemed as binding on the Eligible Customer(s) as from the date of notification of the Amendment or from such other date as may be specified by the Bank in the notification.
21. The terms and conditions applicable to this Campaign are available at www.cimbbank.com.my
22. The terms and conditions herein shall be subject to the application of any prevailing laws, guidelines, directives, notices, regulations enacted, promulgated under the Financial Services Act, 2013 and/ or any other written laws or which are issued by Bank Negara Malaysia, or any other body having supervisory authority over the Bank in relation to or which are applicable to the Campaign or any matters herein.
23. For information, enquiries, feedbacks and/or complaint relating to the Campaign, the Eligible Customer(s) may contact CIMB Bank's Customer Resolution Department bearing the following address, telephone, facsimile number and email address (or bearing such other address, telephone, facsimile number and email address which CIMB Bank may change by notification to the Eligible Customers):- Customer Resolution Unit, 19th Floor, Menara Bumiputera Commerce, 11, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. Call Centre No: +603 6204 7788, Facsimile No: +603 2691 3248, Email: CRU@cimb.com
24. If there is any inconsistency, conflict, ambiguity or discrepancy between the Bahasa Malaysia and English version or versions in other languages of these terms and conditions, the English version of these terms and conditions shall prevail. Notwithstanding the aforementioned where request had been made by the Eligible Customer(s) and noted and acknowledged by the Bank in its records that the Bahasa Malaysia version of the terms and conditions shall govern the operation of the Fixed Deposit account, then the Bahasa Malaysia version of the terms and conditions herein shall prevail.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT CIMB BANK BERHAD YANG MENGAWAL
"KEMPEN UNFIXED DEPOSIT™ 6 BULAN DAN 12 BULAN"

1. Kempen Unfixed Deposit™ 6 Bulan Dan 12 Bulan (“**Kempen**”) yang dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad (“**Bank**” atau “**CIMB Bank**”) bermula dari 1 Mei 2017 dan berakhir pada 30 Jun 2017, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”). Bank merizab hak untuk mengubah tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis empat belas (14) hari terdahulu.

Kelayakan

2. Tertakluk kepada Fasal 3. di bawah, Kempen ini adalah terbuka kepada semua:
 - a) Pelanggan pertubuhan perusahaan kecil dan serdehana/perusahaan perbankan/perbanking komersial sebagaimana yang ditentukan oleh Bank yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada pelanggan-pelanggan milik tunggal, perkongsian, syarikat sendirian berhad, organisasi amal/bukan untung, pertubuhan dan perkongsian profesional; dan
 - b) Pelanggan individu melebihi umur 18 tahun termasuk pemegang akaun bersama dan/atau akaun amanah bawah umur.
(secara kolektif dirujuk sebagai “**Pelanggan-pelanggan Layak**”).
3. Individu/Entiti-entiti berikut adalah dikecualikan and TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak Kumpulan CIMB dan/atau ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik). “**Kumpulan CIMB**” bermaksud kumpulan syarikat-syarikat/entiti-entiti undang-undang yang mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat induk CIMB Group Sdn Bhd mempunyai kepentingan kawalan, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau melalui anak-anak syarikatnya); dan
 - b) Pelanggan Perbankan Korporat.

Kadar Faedah Istimewa untuk Peletakan Deposit Tetap (“FD”)

4. Demi melayakkan diri untuk menikmati Kadar Istimewa di bawah yang ditawarkan oleh Kempen, Pelanggan-pelanggan Layak dikehendaki membuat jumlah peletakan deposit tunggal minimum untuk tempoh yang ditetapkan seperti dalam jadual di bawah semasa Tempoh Kempen:-

Tempoh Deposit Tetap (“FD”)	Kadar Faedah Istimewa untuk Peletakan FD (“Kadar Istimewa”)	Jumlah Peletakan Deposit Tunggal Minimum dalam akaun FD
6 Bulan	3.90% p.a.	RM10,000
12 Bulan	4.10% p.a.	

Mekanisme Kempen

5. Peletakan deposit FD mest dibuat di mana-mana cawangan Bank. Perletakan deposit eFD melalui CIMB Clicks tidak layak untuk Kadar Istimewa.
6. “**Kadar Istimewa**” adalah diberikan bagi peletakan FD untuk satu (1) kitaran sahaja.
7. Faedah akan dibayar setelah tamat tempoh FD tersebut.
8. Faedah yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa Konvensional atau Akaun Simpanan Konvensional (“**CASA**”) Pelanggan-pelanggan Layak yang dikekalkan dengan Bank. Sekiranya Pelanggan-pelanggan Layak mempunyai Akaun Semasa atau Akaun Simpanan sedia ada yang dikekalkan dengan CIMB Islamic Bank Berhad, Bank boleh menerima Akaun Semasa atau Akaun

CIMB Bank Berhad (13491-P)

Simpanan tersebut untuk menjadi Akaun Afiliasi bagi tujuan di atas. (selepas ini dirujuk sebagai “**Akaun Afiliasi**”)

9. Bank merizab hak, dari semasa ke semasa, untuk mengubah Kadar Kempen dan/atau keperluan tempoh FD 3 Bulan dengan memberikan notis empat belas (14) hari terdahulu.
10. **Penunaian FD Awal:** Sekiranya Pelanggan-pelanggan Layak menunaikan FD sebelum tamatnya tempoh tiga (3) bulan yang pertama, Pelanggan-pelanggan Layak tidak berhak menikmati sebarang faedah apa jua. Jika Pelanggan-pelanggan Layak menunaikan FD dari bulan keempat dan seterusnya sebelum tarikh pematangan, faedah yang perlu dibayar kepada Pelanggan-pelanggan Layak adalah separuh (50%) daripada Kadar Istimewa yang diperolehi untuk bulan-bulan yang telah dilengkapi atas jumlah yang dikeluarkan. Pelanggan-pelanggan Layak dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk memotong dan/atau menolak daripada jumlah FD, berhubung dengan sebarang faedah yang dibayar atau dikreditkan ke dalam Akaun CASA/Akaun Afiliasi Pelanggan-pelanggan Layak yang tidak berhak diterima oleh Pelanggan-pelanggan Layak oleh sebab penunaian FD awal.
11. Sekiranya Pelanggan-pelanggan Layak ingin menunaikan FD sebelum matang, Pelanggan-pelanggan Layak boleh pilih untuk melaksanakan penunaian sebahagian ataupun penunaian sepenuhnya ke atas baki di dalam akaun FD.
12. **Pembaharuan:** Apabila FD 6 Bulan atau 12 Bulan matang, “**Kadar Istimewa**” tidak akan digunapakai dan Pelanggan-pelanggan Layak dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk secara automatik membaharui atau meletakkan semula FD 6 Bulan atau 12 Bulan menjadi FD tempoh masing-masing dan kadar sedia ada CIMB Bank yang berkenaan pada masa pembaharuan atau peletakan semula akan digunapakai

Am

13. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan-pelanggan Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju terikat oleh terma-terma dan syarat-syarat ini dan sebarang keputusan oleh CIMB Bank.
14. Keputusan oleh CIMB Bank tentang semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, termasuk penentuan Pelanggan-pelanggan Layak dan hak untuk menerima Kadar Kempen adalah muktamad, mengikat dan konklusif dengan syarat yang sama hendaklah dilihat sebagai adil dan munasabah. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, bantahan atau percubaan untuk mempertikaikan yang sama tidak akan dilayan melainkan ianya adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran oleh CIMB Bank.
15. CIMB Bank mempunyai hak dan berhak, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari, untuk mendebit akaun FD atau mana-mana akaun lain Pelanggan-pelanggan Layak yang dikekalkan dengan CIMB Bank pada bila-bila masa yang dianggap wajar untuk fi berkanun, duti setem, komisyen, caj bank dan/atau caj perkhidmatan yang terpakai atau semasa.
16. Semua terma dan syarat yang mengawal operasi akaun FD Pelanggan-pelanggan Layak dan CASA/Akaun Afiliasi akan terus terpakai kecuali dan melainkan jika atau di mana diubah atau dipinda dengan nyata oleh terma dan syarat di dalam ini. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang tidak konsisten antara terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini dan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal operasi akaun Semasa dan Simpanan, terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi yang lain bagi tujuan Kempen ini.
17. Pada kematangan 6 bulan atau 12 bulan FD, (i) Akaun FD Pelanggan-pelanggan Layak tidak melanggar mana-mana terma dan syarat yang mengawal akaun FD dan/atau (ii) akaun FD Pelanggan-pelanggan Layak tidak boleh ditamatkan dan/atau dibuat tertakluk kepada apa-apa lampiran, perintah yang dibuat di Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang dan/atau tertunggak, dan/atau tidak sah dan/atau dibatalkan dalam definisi CIMB Bank, jika tidak, mereka akan hilang kelayakan untuk menyertai Kempen ini dan/atau hak ke atas Kadar Istimewa.

18. CIMB Bank tidak akan dalam apa cara jua bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa had kehilangan pendapatan, keuntungan, atau nama baik, langsung atau tidak langsung, gantirugi sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas yang ditanggung oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang walau bagaimanapun jua berbangkit sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berhubung dengan Kempen ini, melainkan ianya adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran oleh CIMB Bank.
19. CIMB Bank merizab hak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis empat belas (13) hari terdahulu. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB Bank tidak akan memberikan hak kepada mana-mana Pelanggan-pelanggan Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau mendapat sebarang pampasan terhadap CIMB Bank atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan-pelanggan Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan kecuali yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja pihak Bank.
20. CIMB Bank merizab hak dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terdahulu, untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) ("**Pindaan**") mana-mana terma dan syarat di dalam ini. Makluman kepada Pelanggan-pelanggan Layak tentang Pindaan akan dibuat menurut budi bicara mutlak Bank melalui mana-mana satu daripada kaedah komunikasi berikut, iaitu dengan menampal notis tentang Pindaan di setiap cawangan Bank atau dengan menyiarkan iklan tentang Pindaan dalam satu akhbar pilihan Bank, atau melalui laman web Bank atau melalui sebarang cara makluman lain yang dipilih oleh Bank dan Pindaan akan dianggap mengikat terhadap Pelanggan-pelanggan Layak dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dalam makluman.
21. Terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai bagi Kempen ini boleh didapati di www.cimbbank.com.my
22. Terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada penerapan sebarang undang-undang yang berkuat kuasa, garis panduan, arahan, notis, peraturan yang digubal, diisytiharkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan, 2013 dan/atau sebarang undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan terhadap Bank berhubung dengan atau yang terpakai pada Kempen atau sebarang perkara di dalam ini.
23. Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen, Pelanggan-pelanggan Layak boleh menghubungi 'Customer Resolution Department' CIMB Bank di alamat, nombor telefon, nombor faks dan alamat e-mel berikut (atau di sebarang alamat, nombor telefon, nombor faks dan alamat e-mel lain yang boleh diubah oleh CIMB Bank dengan memaklumkan Peserta Layak):- Customer Resolution Unit, Tingkat 19, Menara Bumiputera Commerce, 11, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. No: Pusat Panggilan +603 6204 7788, No. Faks: +603 2691 3248, E-mel: CRU@cimb.com
24. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau bahasa lain, versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh Pelanggan-pelanggan Layak dan dicatat dan diakui oleh Bank dalam rekodnya bahawa versi terma-terma dan syarat-syarat dalam Bahasa Malaysia akan mengawal operasi akaun FD, maka versi terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini dalam Bahasa Malaysia akan mengatasi yang lain.